

03 APR 1998

Mahathir-Chok Tong

ISU AIR M'SIA-S'PURA HAMPIR CAPAI PERSETUJUAN

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 3 April (Bernama) -- Malaysia dan Singapura sudah hampir mencapai persetujuan mengenai isu air antara kedua-dua negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas menemui rakan sejawatnya dari Singapura Goh Chok Tong di sini pada hari Khamis.

Dr Mahathir dan Goh mengadakan perbincangan dua hala tanpa kehadiran pegawai-pegawai menjelang pembukaan Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) kedua di sini.

Selepas perbincangan itu Dr Mahathir memberitahu wartawan bahawa mereka berbincang mengenai perkara-perkara umum dan menyatakan yang mereka sudah menghampiri persetujuan mengenai isu air antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir dan Goh telahpun berbincang mengenai isu air semasa Goh melawat Kuala Lumpur pada Februari lepas.

Malaysia telah mengumumkan bahawa ia akan terus membekalkan air ke republik itu sehingga selepas tahun 2061 setelah perjanjian sekarang yang ditandatangani pada 1961 dan 1962 tamat.

Malaysia membekalkan 214 juta liter air mentah setiap hari ke Singapura dan membeli balik air yang dirawat di loji milik Singapura di Johor.

Katanya mereka juga berbincang mengenai keadaan di Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Apabila ditanya apa yang diharapkannya dari ASEM, Dr Mahathir berkata beliau berharap sesuatu akan dihasilkan dan beliau ingin melihat satu kajian dibuat terhadap apa yang telah dicapai sehingga ini.

Mesyuarat ASEM yang pertama diadakan di Bangkok pada Mac 1996 atas cadangan Goh tidak lama selepas "Strategi baru ke arah Asia" Kesatuan Eropah diterima pakai. -- BERNAMA

WAH TCL WAT